GEQAU

Buletin Hospital Melaka

BILANGAN 3

MEI - OGOS 2015

SAMBUTAN HARI MERDEKA



PROGRAM SIHAT SEJAHTERA SEHATI SEJIWA HOSPITAL MELAKA TAHUN 2015

Hospital Melaka telah menganjurkan Program Sihat Sejahtera Sehati Sejiwa Hospital Melaka Tahun 2015 pada 30 Ogos 2015 pada jam 9.00 malam hingga 12.30 pagi bertempat di Lobi Utama Hospital Melaka bagi memperingati sejarah perjuangan bangsa mendapatkan kemerdekaan. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Hj. Ab. Rahaman bin Hj. Ab. Karim, Exco Kesihatan dan Pembangunan Sukan Negeri Melaka. Turut hadir ke program tersebut adalah YBhg. Datuk Dr. Ghazali bin Othman, Pengarah Kesihatan Negeri Melaka dan Ketua-Ketua Jabatan Hospital Melaka.

Program ini telah berjaya mencapai objektif menyemarakkan semangat kemerdekaan dalam kalangan kakitangan dan turut bersama meraikan detik bersejarah kemerdekaan negara yang ke-58 di peringkat Hospital Melaka.

SAMBUTAN AIDILFITRI

MAJLIS AIDILFITRI PERDANA HOSPITAL MELAKA TAHUN 2015

Majlis Aidilfitri Perdana Hospital Melaka tahun 2015 bertemakan Warna-Warni Aidilfitri telah diadakan pada 14 Ogos 2015 (Jumaat) bermula jam 8:00 malam bertempat di Parkir Kompleks Ilmu, Hospital Melaka. Majlis ini dijayakan sepenuhnya oleh semua kakitangan hospital terutama dalam penyediaan juadah makanan. Majlis telah berjaya menarik kehadiran pengunjung seramai lebih 4,000 orang dan turut diserikan dengan kehadiran YB Datuk Hj. Ab. Rahaman bin Hj. Ab. Karim, Exco Kesihatan dan Pembangunan Sukan Negeri Melaka. Majlis turut disulami Persembahan Live Band Jemputan, Karaoke, Deklamasi Puisi Merdeka Raya, Penyampaian Hadiah Pertandingan Keceriaan Aidilfitri Jabatan / Wad, Pertandingan Gerai Tercantik, King & Queen of The Night dan cabutan bertuah. Semua hadiah dan persiapan majlis termasuk sewaan khemah telah disumbangkan oleh Kelab Perubatan Hospital Melaka.

BUBUR LAMBUK PERDANA




PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PERINGKAT HOSPITAL MELAKA 1436H/2015M

Program ini akan telah diadakan pada 9 Julai 2015 bertempat di perkarangan Unit Angkut yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Hj. Ab. Rahaman bin Hj. Ab. Karim, Exco Kesihatan dan Pembangunan Sukan Negeri Melaka. Seramai 100 orang anggota Hospital Melaka telah terlibat dalam gotong-royong dari pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang untuk menyediakan Bubur Lambuk. Setiap jabatan dan unit telah dibahagikan kepada 10 kumpulan untuk menyediakan 10 periuk bubur lambuk dengan kos RM500.00 setiap periuk yang mana bubur tersebut diedarkan kepada kakitangan Hospital Melaka dan juga pesakit/waris. Kos penyediaan bubur lambuk adalah sumbangan daripada semua jabatan/unit di Hospital Melaka.







ARTIKEL BULETIN INI BOLEH DICAPAI DI LAMAN SESAWANG HOSPITAL MELAKA

http://hmelaka.moh.gov.my

Sidang Redaksi

PENAUNG

DATUK DR ZA'ABA BIN BABA

PENASIHAT

DR. ABDUL RAOF BIN JAAFAR

KETUA EDITOR

DR (MR) ABDUL RAZAK BIN AHMAD

PENOLONG KETUA EDITOR

PN. SURIYA BINTI HASAN

EDITOR

DR. THEVI THANIGASALAM
DR. SHARIFAH OMAR
PN. JULIA BINTI SAMSUDIN
PN. ZALEHA ABU BAKAR
EN MOHD SANI BIN MOKHTAR
DR. AINUL KAMAL
PN. HASIMAH MAMAT
EN. KHAIRIZAN B. HASHIM
PN. VILASINI A/P NARAYANAN
EN MOHD ROSLI B. ADAM
PN. NUR FADHILAH MOHAMAD
PN. AZIZAH MOHD ISA
EN. MOHD. ZAIDI B. MOHD. ZAINI
PN. SYUHAIDAH BINTI ATAN

URUSETIA

CIK IZYAN NADIAH
EN. AMIN MAHZAN AHMAD
EN. HAIZAT JAHIM

Artikel yang tersiar dalam buletin ini tidak semestinya mengambarkan pandangan Hospital Melaka sepenuhnya. Kami mengalukan kritikan membina dan hasil kreatif anda. Alamatkan kepada :

Pejabat Urusetia
Unit Pendidikan Pesakit
Hospital Melaka,
Jalan Mufti Hj. Khalil,
75400 Melaka.

Tel : 06 - 282 2344
Fax : 06 - 284 1590

DARI MINDA
Ketua Editor



Assalamualaikum dan salam 1 Malaysia

Bertemu kita kembali dalam edisi ke 3 Buletin Geqau Hospital Melaka.

Alhamdulilah saya ucapkan kerana Allah Taala telah memberikan kekuatan kepada kami untuk meneruskan perkhidmatan kami di Hospital Melaka.

Buletin kali ini memaparkan aktiviti –aktiviti yang di adakan dihospital Melaka bagi bulan Jun ke pertengahan Bulan September 2015. Pada bulan ini Hospital banyak menyambut keraian seperti Hari Raya Aidil Fitri, Hari Kebangsaan diikuti dengan Hari Malaysia dan di akhiri dengan Hari Raya Aidil Adha. Hospital ini juga turus mengambil bahagian dalam Hari Talasemia sedunia yang disambut di Melaka.

Kami juga memaparkan beberapa artikel berbentuk pendidikan kesihatan untuk warga hospital disamping beberapa aktiviti di dalam jabatan di hospital ini. Diharap lebih ramai lagi akan memberikan sumbangan kepada bulletin ini untuk manafaat bersama.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat Hari Raya, Aidil Fitri dan Aidil Adha. Selamat menyambut Hari Merdeka dan Hari Malaysia. Semoga kita semua mendapat rahmat dari illahi dan dilingunginya dari anasir-anasir yang tidak baik.

Sekian

MR (DR) HJ ABD RAZAK BIN AHMAD
Ketua Editor

SEKAPUR SIREH, SEULAS PINANG

PENGARAH HOSPITAL



Bismillahirahmanirrahim
Assalamualikum w.b.t.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya saya diberi kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam ruangan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua anggota Hospital Melaka terutamanya anggota yang bertugas sewaktu musim perayaan. Di Aidilfitri inilah kesempatan terbaik sekali untuk saling melupakan semua perselisihan dan persengketaan seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara individu dan bahagian. Ambillah peluang ini untuk kita saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

Tidak dilupakan tanggal 31 Ogos amat besar ertinya, kerana Negara kita telah menyambut ulangtahun hari kemerdekaan ke-58. Tidak ada yang lebih berharga daripada mengecapi nikmat kemerdekaan ini dalam keadaan aman dan sejahtera. Justeru, kerana itu, kita seharusnya bersyukur atas nikmat kemerdekaan yang telah membawa kesejahteraan dan kemakmuran kepada bangsa dan negara Malaysia. Atas kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada setiap daripada kita yang berada di Hospital Melaka supaya menanamkan tekad serta azam untuk berkhidmat dengan penuh tanggungjawab, dedikasi dan berhemah tinggi. InsyaAllah, dengan kesetiaan kita kepada tugas dan tanggungjawab, negara dan bangsa, serta berpandukan kepada nilai-nilai keagamaan sebagai teras utama, kita akan dapat menyumbang ke arah pembentukan sebuah negara bangsa yang berdaulat, merdeka dan sejahtera, sejajar dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah negara maju.

Bersama sama ini juga saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi ke atas penerbitan Buletin Geqau kali k etiga. Saya bagi pihak Hospital Melaka, menghargai usaha, komitmen dan sumbangan sidang redaksi Buletin Geqau.

Datuk Dr. Za'aba Bin Baba DPSM
Pengarah Hospital Melaka

TALASEMIA
PENYAKIT KETURUNAN


TALASEMIA

Talasemia adalah sejenis penyakit genetik/keturunan yang mengganggu pembentukan sel-sel darah merah yang normal. Keadaan ini disebabkan oleh perubahan gen yang mengawal penghasilan hemoglobin. Hemoglobin ialah protin yang kaya dengan zat besi dalam sel darah merah yang berfungsi sebagai pembawa oksigen. Sel darah merah pesakit talasemia yang tidak normal akan mudah musnah dan ini menyebabkan pesakit menghidap paras hemoglobin yang rendah(anaemia) dan memerlukan transfusi darah secara berterusan. Sel darah merah yang musnah juga akan menghasilkan bahan zat besi yang akan berkumpul di beberapa organ penting seperti jantung, hati, organ endokrin serta merosakkannya. Dianggarkan antara 3-5% penduduk Malaysia (atau antara 780,000 hingga 1.3 juta orang) adalah pembawa penyakit genetik Talasemia ini dan 120-350 bayi talasemia major dilahirkan setiap tahun.

Bagaimana Talasemia boleh diwarisi dari ibu bapa kepada anak-anak?

Setiap manusia mempunyai 2 jenis gen sebahagiannya diwarisi dari ibu dan sebahagiannya dari bapa. Antara gen tersebut, terdapat 2 gen yang mengawal pembentukan hemoglobin yang terdapat dalam sel darah merah. Mari kita lihat contoh 3 pasangan yang berlainan:

1. Kedua ibu bapa adalah normal- mereka tidak mungkin mewariskan penyakit Talasemia atau Talasemia major kepada anak-anak.
2. Salah seorang ibubapa mengidap talasemia dan seorang lagi normal- setiap anak mempunyai 1 : 2 (50%) peluang untuk mewarisi gen talasemia dan menjadi pembawa dan 1:2(50%) mewarisi gen yang normal.
3. Kedua-dua ibubapa pembawa Talasemia-golongan berisiko. Kedua pasangan pembawa mempunyai peluang 1:4(25%) disetiap kehamilan dan melahirkan anak yang mengalami talasemia major, 1:2(50%) berpeluang mempunyai anak yang menjadi pembawa Talasema, dan 1:4(25%) anak berpeluang mewarisi gen yang normal dari ibubapanya dan bebas dari penyakit Talasemia.



Talasemia terbahagi kepada 2 iaitu:
- Talasemia major- pesakit Talasemia
- Talasemia Minor-pembawa, tiada gejala-gajala dan kelihatan sihat

LEPTOSPIROSIS
PENYAKIT KENCING TIKUS



Pengenalan

Penyakit Leptospirosis disebabkan oleh bakteria Leptospira. Bakteria ini boleh hidup di air tawar selama lebih kurang sebulan.

Cara jangkitan

Ia dibawa oleh haiwan-haiwan seperti berikut :

- Tikus
- Kucing
- Anjing
- Lembu
- Kambing
- Burung
- Kuda
- Haiwan lain

Manusia boleh dijangkiti secara kontak langsung dengan air yang tercemar oleh air kencing haiwan-haiwan tersebut. Tempoh inkubasi adalah selama 4 hari hingga 19 hari.

Pencegahan

- Menjaga kebersihan persekitaran di rumah
- Tutup dan tudung makanan supaya dihindari dari tikus
- Mencuci tangan dengan air dan sabun semasa menyediakan makanan dan sebelum makan
- Mencuci tangan, kaki serta bahagian anggota lain dengan sabun selepas bekerja di kebun, membersihkan sampah dan kawasan rumah selepas banjir
- Segera mendapatkan rawatan jika mempunyai tanda-tanda.

Tanda-tanda

- Demam
- Sakit kepala
- Muntah
- Cirit-birit
- Sakit otot
- Sakit di bahagian abdomen
- Kemerahan pada mata
- Ruam kulit

ALAHAN UBAT

MedicAlert®

Yayasan MedicAlert® Malaysia

Yayasan Medic Alert ® membekalkan pesakit dengan rantai leher atau gelang tangan "MedicAlert" yang diukir butir-butir penyakit dan alahan





Bagaimana Medicalert membantu?

Apabila anda berhadapan dengan mangsa kemalangan ataupun orang yang pengsan, anda boleh menyelamatkan nyawa dengan:-

- Perhatikan samaada mangsa memakai rantai atau gelang "Medicalert"
- Maklumkan pada paramedik, polis, jururawat atau sesiapa yang menyelamat dengan menunjukkan rantai atau gelang tersebut kepada doktor
- Maklumkan sendiri kepada doktor sekiranya doktor berada di situ

Untuk mendaftar,

Borang boleh didapati di Jabatn Farmasi , Hospital ataupun muat turun dari laman web

www.medicalert.com.my

Hotline
+60123411137

Diterbitkan oleh Farmasi Maklumat Ubat, Jabatan Farmasi Dan Bekalan.

KAD ALAHAN UBAT

Apakah itu alahan ubat?

- Alahan ubat merupakan kesan yang tidak diingini berpunca daripada kesan hipersensitif terhadap ubat yang diambil
- Reaksi alahan kepada ubat-ubatan tidak berlaku kepada semua orang

Apakah tanda-tanda alahan ubat?

- Alahan kepada ubat boleh berlaku pada tahap yang berbeza
- Alahan ringan adalah seperti:
  - Ruam
  - Gatal pada kulit atau mata
  - Bengkak pada bibir, lidah, mata atau muka
- Alahan tahap serius melibatkan organ utama badan dan boleh mengancam nyawa.



Tujuan kad alahan ubat diberi kepada pesakit

- Membantu anggota kesihatan untuk mengenal pasti maklumat alahan ubat yang dialami dan mengelakkan pesakit daripada mengambil ubat-ubatan yang boleh menyebabkan alahan
- Mendidik pesakit agar berpengetahuan dalam mengelakkan kejadian kesilapan pengubatan



Tanggungjawab pemegang kad alahan ubat

1. Bawa kad alahan ubat bersama-sama setiap masa
2. Tunjukkan kad alahan ubat kepada doktor, ahli farmasi, jururawat atau anggota kesihatan lain setiap kali mendapatkan rawatan atau bekalan ubat
3. Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi jika ada sebarang keraguan mengenai ubat-ubatan anda.



Kad Alahan Ubat yang akan diberikan kepada pesakit



Pelekat amaran alahan ubat ditampalkan pada buku rekod pesakit/kad rawatan

Sila klik 'Like' Facebook "Sahabat Farmasi"



Diterbitkan oleh Farmasi Maklumat Ubat, Jabatan Farmasi Dan Bekalan.





PROGRAM KEMBALI BEKERJA
PEMULIHAN CARAKERJA

OCCUPATIONAL THERAPIST ASSISTS YOU TO ACHIEVE OPTIMUM FUNCTION IN LIFE

Profession Pemulihan Carakerja (Occuptional Therapist) bermula sejak tahun 100BCE lagi, Greek Adolf Mayaer, Psychiatry dari Switzerland di penghujung abad ke 19 telah menyokong profession Pemulihan Carakerja (Occupational Therapist) dalam pemulihan pesakit psikiatri. Element pekerjaan adalah satu dari medium rawatan pemulihan yang diberikan kepada pesakit, ketika itu.


Jurupulih Carakerja membantu pesakit mencapai kefungsian maksima dalam kehidupan dan mengembalikan semula kehidupan yang bermakna pada pesakit, termasuklah juga mengembalikan semula pesakit ke bidang pekerjaan.



Aktiviti membuat mainan oleh pesakit yang dijalankan oleh Jurupulih Carakerja di Hospital di Negara Eropah pada perangdunia pertama

Bagi pesakit yang masih bekeja mereka akan dikembalikan semula ke pekerjaan asal atau ditukar ke pekerjaan lain jika tidak boleh kembali ke pekerjaan asal, Bagi pesakit yang tidak pernah bekerja, latihan pekerjaan merupakan salah satu dari plan rawatan yang perlu dijalankan oleh Jurupulih Carakerja. Pesakit yang sesuai terdiri dari mereka yang telah memasuki umur pekerjaan dan dari pelbagai kondisi termasuklah kecacatan/ yang disebabkan oleh masalah fizikal atau mental.

Rajah: Tatacara Pembahagian Pemulihan Carakerja Bagi Mengembalikan Pesakit ke bidang Pekerjaan (Return To Work)



Kebanyakan pesakit yang dirujuk ke Unit Pemulihan hanya memerlukan rawatan pemulihan *Acute Care Management* / rawatan jangka pendek. Dimana selepas menjalani pemulihan yang dirancangkan, dalam masa 3 bulan pesakit telah boleh kembali semula bekerja.

Pesakit yang mempunyai latar belakang pekerjaan dan masih tidak dapat kembali semula bekerja dalam masa 3 bulan akan diterapkan (integration) pada *Work conditioning* element dalam rawatan pemulihan mereka. lanya bagi membantu pesakit membangunkan semula skill dan keupayaan fizikal dan psikologikal yang perlu untuk kembali semula ke bidang pekerjaan saperti latihan dan aktiviti untuk meningkatan kekuatan, ketahanan, pegerakan, flexibility dan pengawalan pergerakan anggota dan keupayaan kognitif.

Work hardening akan diaplikasikan pada pesakit yang memerlukan latihan praktikal berorentasikan pekerjaan yang akan dilaksanakan dan mengambil kira faktor productivity, safety, physical tolerance, and worker behaviors." Sebahagian latihan akan dijalankan di tempat kerja pesakit.

Jurupulih Carakerja akan memberikan nasihat mengenai keperluan mengimplimentasikan teknik ergonomic ditempat kerja, penstrukturan semula kerja mengikut kondisi dan keperluan pesakit, pengubahsuaian peralatan dan alat bantuan dan nasihat mengenai pengubahsuaian kawasan kerja (work station and environmental lay out modification) tempat kerja dan kereta (adaptation to the car) untuk dipandu dan alat bantuan (aids) jika perlu.

Disiplin lain yang terlibat dengan Jurupulih Carakerja dalam menjalankan pemulihan Return To Work adalah :
Dr yang merawat, *Physio Therapist, Psychological/Social Services, Vocational Services* dan jika perlu akan juga dirujuk kepada Profession yang lain seperti Pegawai Zat Makanan (nutritionist).



BERITA BERGAMBAR






















PROGRAM












PENGARAH
HOSPITAL MELAKA



KURSUS BACK TO BASIC RADIOLOGI

Disediakan oleh: Fazlinda Taher (Juru Xray JPDHM)

KURSUS " RADIOLOGY BACK TO BASICS 2015 "

6 Ogos 2015 – 'Radiology Back to Basics 2015' adalah salah satu kursus utama yang sering dianjurkan oleh Jabatan Pengimejan Diagnostik Hospital Melaka pada setiap tahun. Kursus ini bertempat di dewan Zamrud aras 2, blok pentadbiran Hospital Melaka dan melibatkan seramai 50 orang pegawai perubatan. Pegawai perubatan yang terlibat terdiri daripada setiap unit di hospital Melaka dan klinik kesihatan di sekitar negeri Melaka.

Antara objektif kursus ini adalah :

1. Menyampaikan pengetahuan asas dalam radiografi dan perlindungan sinaran.
2. Memberi pengetahuan mengenai radiologi dan modaliti pengimejan
3. Meningkatkan kualiti penjagaan pesakit

Kursus ini mengambil masa selama satu hari dengan pelbagai ceramah yang telah disampaikan oleh pakar-pakar radiologi yang bepengalaman dalam bidang radiografi. Antara tajuk yang disampaikan adalah ' Abdominal imaging ,radiation protection, skeletal survey , arthritis, Ct brain –intracranial bleed dan basic interpretation of chests X-ray".

Semoga kursus seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.



AJk Pendaftaran



Peserta yang hadir



Seisi ceramah

FARMASI



Pada 31 Julai 2015, julung kalinya Jabatan Farmasi dan Bekalan telah menganjurkan 'Pharmacy Nite 2015" di Avillion Legacy, Melaka dan telah dirasmikan oleh TPKN(F) ,Tuan Haji Abd. Aziz Ahmad dan turut dihadiri wakil dari pihak kolej serta anggota farmasi.



Meraikan anggota yang telah dan akan bersara pada tahun 2015.



Antara aktiviti yang dijalankan.



Jawatankuasa Pharmacy Nite 2015



Wajah-wajah ceria pada malam tersebut.



Barisan Pegawai Farmasi Provisional (PRP) yang mempersembahkan skesta pada malam tersebut

OBJEKTIF

- Menghargai dan mengiktiraf sumbangan anggota farmasi
- Memyuntik semangat anggota farmasi untuk mempunyai kecemerlangan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan jabatan.
- Mengikat para anggota jabatan ini yang telah dan akan bersara pada tahun 2015

Disediakan oleh: Farmasi Maklumat Ubat, Jabatan Farmasi Dan Bekalan.

BERITA FARMASI TERKINI....



Bersama Pengerusi Kluster Pembangunan Farmasi & Pengarah Bahagian Pengurusan Farmasi KKM



Bersama Para Exco & Hadirin Exco di KMT



Persembahan MR x MF oleh Kuna,Kasaro



Persembahan QA Freeze oleh Pn. Wani

KEGEMBIRAAN BERGANDA BUAT SEMUA WARGA JABATAN FARMASI & BEKALAN DI BULAN SYAWAL

Pada 9/12 Ogos 2015 (24/27 Syawal 1436H) , telah berlangsung **Konvensyen Inovasi & Kreativiti Farmasi(KIKF) 2015** peringkat kebangsaan di Hotel Everly, Putrajaya. Negeri Melaka telah menjadi **Johan bagi Anugerah Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi** di mana Hospital Melaka telah dinobat bagi mewakili negeri Melaka. Johan Farmasi & Bekalan, Hospital Melaka pula telah **menjuarai pertandingan kategori QA poster** memenangi **Naib Johan bagi Anugerah Amalan Keselamatan Penggunaan** bagi kategori hospital. Bagi kumpulan KIK Kreatif dan inovasi Melaka pula, walaupun semua telah persembahkan dan semangat juang yang ditunjukkan sangat membanggakan.

Kesemua berpuashati dan semua warga farmasi Hospital Melaka. Semuanya adalah hasil usaha dan kerjasama pada semua anggota farmasi yang semua pasti dalam mencapai kegemilangan bersama. **Warga Farmasi BOLEH!!!**



Persembahan Inovasi Maflavia oleh QA dan Wani

PAIN FREE HOSPITAL
PENGENALAN



PENGENALAN

Kesakitan adalah salah satu sebab utama pesakit dimasukkan ke hospital dan kesakitan yang berterusan adalah sebab mengapa para pesakit gerun untuk datang ke hospital terutamanya untuk menjalani pembedahan atau apa sahaja rawatan.

Kesakitan secara amnya tidak dapat dielakkan. Walaubagaimanapun, dengan teknik dan perubatan moden, terdapat pelbagai cara untuk mengurangkan kesakitan. Pelaksanaan konsep Hospital Bebas Kesakitan akan memberi banyak manfaat dan menggalakkan konsep "patient centered care" berteraskan integrasi dan perkhidmatan yang sedia ada secara optima.

KEBAIKAN HOSPITAL BEBAS KESAKITAN KEPADA PESAKIT

a. Pesakit lebih selesa dan tempoh berada di hospital lebih pendek.
b. Mengurangkan risiko jangkitan nasokomial.
c. Mengurangkan kebimbangan dan tekanan.

KEBAIKAN HOSPITAL BEBAS KESAKITAN KEPADA HOSPITAL

a. Meningkatkan kepuasan pelanggan (kurang aduan)
b. Perkhidmatan Pusat Rawatan Harian digunakan secara optima dengan menggalakkan "Minimally Invasive Surgery".

Hospital Melaka sedang bersiap sedia kearah pensijilan Hospital Bebas Kesakitan pada 21/10/2015.

OBJEKTIF HOSPITAL BEBAS KESAKITAN

• Pembedahan yang bebas dari kesakitan • Proses bersalin yang bebas dari kesakitan • Prosedur rawatan yang bebas dari kesakitan
• Proses rehabilitasi yang bebas dari kesakitan • Pesakit daftar keluar hospital bebas dari kesakitan

KOMPONEN HOSPITAL BEBAS KESAKITAN



PEMBIUSAN DAN ANALGESIK

Menggalakkan pengunaan pembiusan setempat dan membentuk protokol bagi merawat pelbagai jenis kesakitan akut.

PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Menggalakkan kombinasi teknik perubatan bukan farmakologi (contoh : akupuntur, urutan dan teknik pernafasan dan releksasi) dalam pengurusan kesakitan pesakit.

TEKNIK PEMBEDAHAN MODEN

Menggalakkan pengunaan " Minimally Invasive Surgery " dan Pusat Rawatan Harian dengan kawalan kesakitan yang efektif.

LEAN HEALTHCARE
PROJEK

LEAN HEALTHCARE

Lean Healthcare merupakan sebuah projek berimpak tinggi KKM yang telah bermula sejak tahun 2013.

Perkataan 'Lean" bermaksud tanpa lemak berlebihan. Konsep LEAN pula merujuk kepada kaedah yang memberi tumpuan kepada penghapusan aktiviti bukan tambah nilai (pembaziran) dalam proses kerja.

Konsep inilah yang diaplikasikan dalam 'Lean Healthcare' yang merupakan satu kaedah penambahbaikan yang menggabungkan kaedah-kaedah peningkatan kualiti yang dapat mengelakkan pembaziran(waste) yang berlaku dalam proses kerja yang tidak memberikan nilai tambah kepada pelanggan / pesakit. Dengan mengaplikasi kan konsep LEAN dalam pengurusan kesihatan, perkhidmatan yang berkualiti dapat diberikan walaupun terdapat kekangan dari sumber manusia, kemudahan dan kewangan.

Berikutan kejayaan projek LEAN Healthcare yang dijalankan di Hospital Sultan Ismail pada tahun 2013 dan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Kelang , Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengembangkannya ke Hospital lain di seluruh Malaysia. Hospital Melaka antara 16 Hospital yang telah terpilih untuk melaksanakan LEAN Healthcare di mana Jabatan Perubatan dan Jabatan Kecemasan dan Trauma menjadi perintis.

Projek 'Lean Healthcare' di Hospital Melaka telah bermula secara rasmi pada Bulan Mac 2015 dan sedang memasuki fasa terakhir iaitu fasa 'project closure' yang akan dijalankan pada September ini. Data-data selepas pelaksanaan 'Lean Healthcare' telah dikutip pada 10-12 Ogos yang lalu dan akan dibentangkan kepada bahagian Perkembangan KKM pada bulan September. Walaupun telah memasuki fasa 'project closure' tetapi konsep LEAN Healthcare ini hendaklah terus diamalkan dan boleh diperkenalkan kepada Jabatan lain. Ini kerana LEAN adalah aktiviti berterusan dan bukan aktiviti sampingan (Alex Miller, University of Tennese). "Kurangkan pembaziran , Tingkatkan produksi"

MELAKA ' LEAD HOSPITAL '
HOSPITAL KLUSTER

HOSPITAL KLUSTER

Hospital Kluster bermaksud beberapa hospital dalam lingkungan geografi yang sama akan berfungsi sebagai satu unit serta berkongsi sumber seperti asset, kemudahan dan personell. Selain Negeri Sabah dan Pahang, Negeri Melaka telah terpilih sebagai perintis dalam projek hospital Kluster Kementerian Kesihatan Malaysia. Hopital Kluster Melaka yang bermula pada tahun 2014 melibatkan Hospital Melaka sebagai 'Lead Hospital' dan Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah sebagai 'Non-lead Hospita'l. Antara objektif utama Hospital Kluster ialah untuk mengurangkan kesesakan pesakit di Hospital Melaka dan mengoptimumkan penggunaan katil dan sumber di Hospital Jasin dan Alor Gajah. Disamping itu ia juga dapat memudahkan penduduk dari Daerah Jasin dan Alor Gajah mendapatkan perkhidmatan berkepakaran di Hospital yang berdekatan tanpa perlu pergi ke Hospital Melaka. Antara perkhidmatan yang telah diklusterkan ialah perkhidmatan klinikal di mana Doktor-doktor Pakar dari pelbagai Disiplin telah membuat lawatan berkala ke Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah. Seorang Pakar Perubatan telah ditempatkan di Hospital Alor Gajah sepenuh masa. Pesakit yang memerlukan pembedahan boleh dibedah di Hospital Jasin. Pesakit-pesakit dari Hospital Jasin atau Alor Gajah yang memerlukan rawatan lebih lanjut boleh dipindahkan ke wad Hospital Melaka dan pesakit-pesakit dari Hospital Melaka boleh dipindahkan ke wad Hospital Jasin atau Alor Gajah.

Perkhidmatan Rekod pesakit juga telah diklusterkan. Pegawai-pegawai Perubatan dan kakitangan sokongan dari Hospital 'Non-Lead" juga telah datang ke Hospital Melaka untuk latihan sangkutan sebagai persediaan bagi memastikan mereka boleh merawat pesakit dengan baik dan berkeyakinan apabila lebih banyak perkhidmatan diperkenalkan kelak. Bagi kemudahan urusan di antara ketiga-ketiga Hospital ini, Hospital kluster Melaka telah mendapat sebuah Van. Dengan adanya Hospital Kluster Melaka, penduduk Negeri Melaka boleh mendapatkan perkhidmatan berkepakaran walau di mana mereka tinggal.

SKIM EX-GRATIA
SKIM PAMPASAN

SKIM EX-GRATIA BENCANA KERJA BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

Skim Ex-Gratia Bencana Kerja adalah skim yang memberi pampasan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang ditimpa bencana kerja semasa menjalankan tugas rasmi hingga menyebabkan hilang upaya kekal atau kematian termasuk yang teraniaya disebabkan perbuatan balas dendam akibat daripada tindakan semasa menjalankan tugas rasmi.
Skim diwujudkan bertujuan menjaga kebajikan Anggota Perkhidmatan Awam dan orang tanggungan sekiranya terjadi sesuatu bencana semasa pegawai melaksanakan tugas rasmi memandangkan Anggota Perkhidmatan Awam dikecualikan daripada mencarum kepada skim yang ditubuhkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

Apakah yang dimaksudkan dengan Bencana Kerja?
Bencana Kerja adalah bencana yang dialami oleh seseorang pegawai yang disebabkan oleh kemalangan semasa menjalankan tugas rasmi atau suatu penyakit khidmat. Tugas rasmi adalah tugas yang berkaitan dengan jawatan pegawai dan termasuk menghadiri kursus yang dibenarkan oleh Ketua Jabatan.

Apakah pegawai dilindungi sepanjang masa oleh Skim Ex-Gratia Bencana Kerja?
Tidak. Pegawai dilindungi dalam tempoh masa berikut:-
- semasa dalam perjalanan pergi dan balik bertugas dari rumah ke tempat bertugas;
- semasa perjalanan pergi dan balik dari tempat bertugas ke tempat kediaman pada waktu makan yang diluluskan; dan
- sepanjang masa semasa bertugas rasmi.

Skim ini meliputi pegawai sepanjang masa menjalankan tugas rasmi selagi aktiviti yang dijalankan semasa bencana berlaku adalah berkaitan dengan tugas rasmi dan bukannya urusan peribadi.
Perjalanan dari rumah ke tempat bertugas dan sebaliknya mestilah melalui laluan lazim dengan tiada apa-apa lencongan ataupun pemberhentian yang bersifat peribadi. Walau bagaimanapun, jika terdapat lebih daripada satu laluan lazim, ia boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat jarak perjalanan yang munasabah dari rumah ke tempat bertugas dan sebaliknya. Pegawai tidak layak mendapat bayaran dalam skim ini jika perjalanan ke tempat kerja bukan dari rumahnya.

Apakah faedah pampasan yang disediakan di bawah skim ini?
Bayaran Ex-Gratia Pukal, Ex-Gratia Bulanan, Elaun Layanan Sentiasa dan Ex-Gratia Orang Tangungan Bulanan.
Apakah syarat yang melayakkan seseorang pegawai membuat tuntutan?
Syarat yang melayakkan seseorang pegawai mengemukakan tuntutan ialah apabila ia mendapat kecederaan ke tahap hilang upaya kekal atau kematian semasa menjalankan tugas rasmi.

Bagaimanakah pegawai membuat tuntutan?
Pegawai atau waris hendaklah mengisi Bahagian 'A' iaitu borang BTX. Borang ini boleh diperolehi melalui laman web Perbendaharaan (www.treasury.gov.my) di dalam Panduan Skim Bayaran Ex-Gratia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001. Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan.

Apakah dokumen-dokumen yang perlu disertakan oleh Ketua Jabatan?
Salinan senarai tugas, arahan bertugas, kad perakam waktu/daftar bertugas, lakaran kasar laluan yang menunjukkan tempat kemalangan jalan raya (bagi kes kemalangan jalan raya), laporan polis, laporan penyiasatan polis, salinan kenyataan perkhidmatan pegawai dan dokumen lain yang berkaitan. Kesemua salinan hendaklah disahkan sebagai salinan yang benar.

Siapakah yang boleh dihubungi untuk mendapatkan penjelasan/maklumat tambahan berhubung skim ini?
Pegawai di Seksyen Dasar Saraan, Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Kementerian Kewangan.
Alamat:
Aras 4, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 PUTRAJAYA.
Tel: 03-8882 3108/3366/4394,
Faks: 03- 8882413

Rujukan: Portal Kementerian Kewangan Malaysia.

PEMBINAAN SAHSIAH
LATIHAN DAN KOMPETENSI

KURSUS PEMBINAAN SAHSIAH DIRI HOSPITAL MELAKA TAHUN 2015

Kursus Pembinaan Sahsiah Diri Peringkat Hospital Melaka Tahun 2015 ANJURAN Unit Latihan dan Kompetensi telah diadakan pada 31 Julai hingga 4 Ogos 2015 di Anjung Sri Mas, Hospital Pasir Mas, Kelantan .Seramai 72 orang peserta dari pelbagai kategori jawatan telah mengikuti kursus ini.

Objektif utama kursus ini adalah:
1. Menyemarak dan menyemai nilai-nilai murni di dalam jiwa wargakerja Hospital Melaka.
2. Memperkukuh dan mempertingkatkan jati diri di kalangan wargakerja Hospital Melaka.
3. Mewujudkan budaya kerja yang cemerlang seiring dengan membudayakan nilai-nilai murni dan sahsiah diri dalam menjalankan tugas.
4. Meningkatkan mutu kerja ke arah kepuasan pelanggan yang optimum.
5. Membentuk warga Hospital Melaka sebagai satu pasukan yang mantap dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang cemerlang.
6. Membentuk sikap yang positif dan bekerja sebagai satu pasukan.
7. Memahami antara satu sama lain dan membentuk persekitaran semanga tberpasukan dan berbudaya maju.

Kursus selama 5 hari ini telah diisi dengan pelbagai aktiviti yang meliputi segala aspek di dalam pembentukan sahsiah diri para peserta.





Barisan fasilitator dan urusetia Kursus Pembinaan Sahsiah Diri Hospital Melaka Tahun 2015

LAWATAN DAN KUTIPAN DATA
PENGURUSAN HOSPITAL MELAKA

LAWATAN DAN KUTIPAN DATA OLEH PASUKAN PENYELIDIKAN KOS PERKHIDMATAN KESIHATAN PERINGKAT HOSPITAL

Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia sedang menjalankan projek Malaysia's Health System Reform (MHSR). Objektif projek tersebut adalah untuk mendapatkan kos perkhidmatan kesihatan pesakit dalam membantu penyediaan polisi ke arah Transformasi Perkhidmatan Kesihatan di negara ini.

Oleh itu satu lawatan oleh Pasukan Penyelidikan Kos Perkhidmatan Kesihatan Peringkat Hospital untuk projek Malaysia's Health System Reform (MHSR) yang diwakili seramai lapan orang pegawai telah berada di Hospital Melaka mulai 23 hingga 26 Jun 2015. Tujuan lawatan ini adalah untuk kutipan data secara "Full Pilot Test" termasuk beban kerja, bilangan kajian di makmal, radiologi dan sebagainya.

PROGRAM ZIARAH MAHABAH
PENGURUSAN HOSPITAL MELAKA

PROGRAM ZIARAH MAHABBAH RAMADHAN AL-MUBARAK HOSPITAL MELAKA 2015

Hospital Melaka telah menganjurkan Program Ziarah Mahabbah Ramadhan Al-Mubarak pada 13 dan 14 Julai 2015 kepada pesakit-pesakit CAPD, barah payudara dan psikiatri yang tinggal di sekitar Daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Seramai 21 orang pesakit telah menerima sumbangan dari pihak hospital bagi membantu mengurangkan beban mereka untuk persiapan Hari Raya Aidilfitri.







PROGRAM JELAJAH SINGGAH SAHUR
PENGURUSAN HOSPITAL MELAKA

PROGRAM JELAJAH SINGGAH SAHUR RTM DAN BELIA 4B KE HOSPITAL MELAKA

Belia 4B telah mengadakan Program Jelajah Sahur Ramadan 2015 ke seluruh Malaysia dan telah singgah di Hospital Melaka pada 4 Julai 2015 dari jam 3.00 hingga 5.00 pagi. Program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Ng Choon Hoon, Timbalan Kesihatan dan Pembangunan Negeri Melaka dan turut disertai dan dijayakan oleh agensi kerajaan dan NGO lain dalam Negeri Melaka seperti MAIM, PTPTN, dan lain-lain. Sebanyak 1,000 bungkusan juadah sahur telah diagih-agihkan kepada anggota hospital yang bekerja pada shif malam dan waris yang menunggu pesakit.







SAMBUTAN HARI TALASEMIA
PENGURUSAN HOSPITAL MELAKA

SAMBUTAN HARI TALASEMIA


Sambutan Hari Talasemia peringkat negeri Melaka telah diadakan pada 22 Ogos 2015 di Universiti Multimedia. Objektif sambutan ini ialah :

(i) Untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat umum mengenai penyakit talasemia, cara pencegahan dan pengawalannya.
(ii) Untuk meningkatkan kesedaran golongan remaja dan ibubapa tentang kepentingan menjalani ujian talasemia
(iii) Untuk mengenalpasti risiko remaja melalui ujian saringan talasemia

Kumpulan sasar yang terlibat ialah pesakit, keluarga dan remaja. Di antara aktiviti yang diadakan ialah kempen derma darah, pemeriksaan kesihatan, pameran kesihatan, ujian saringan talasemia dan peraduan mewarna.

KOLESTROL
BAIK DAN JAHAT

KOLESTEROL BAIK VS JAHAT



.....Diri Anda Ialah Apa Yang Anda Makan.....

Terdapat dua jenis kolesterol :


HDL (*High Density Lipoprotein*)	LDL (*Low Density Lipoprotein*)
- Kolesterol baik - HDL akan mengeluarkan LDL dari pembuluh dan membawanya ke hati bagi membantu terbentuknya plak kolesterol.	- Kolesterol jahat - LDL akan terkumpul di dinding-dinding pembuluh jantung (arteri) yang akan membentuk plak kolesterol dan mengakibatkan penyempitan saliran darah dalam pembuluh jantung


Kesan dan akibat apabila tahap kolesterol dalam darah tidak normal





Sumber kolesterol





Rendahkan KOLESTEROL dengan !!!

1. Amalkan pemakanan seimbang
2. Diet rendah lemak dan lemak trans
3. Diet tinggi serat / fiber
4. Tingkatkan pengambilan fitosterol (sterol tumbuhan)
5. Bersenam